



PETIKAN TITAH



Beta mengambil maklum, tema sambutan Isra' dan Mi'raj pada tahun ini berbunyi 'Sembahyang Mencerdaskan Minda'.

Kunci kesempurnaan sembahyang ialah khusyu' dengan memelihara rukun serta tertibnya. Khusyu' boleh dicapai dengan adanya minda yang sihat. Tanpa minda yang sihat, tidak boleh diharapkan sembahyang akan khusyu'. Manakala tertib dalam sembahyang mengajarkan disiplin diri.

Khusyu' dalam sembahyang menjadi tanda kejayaan orang-orang beriman, sebagaimana Allah *Subhanahu Wata'ala* berfirman dalam Surah al-Mu'minin ayat 1 hingga 2 tafsirnya: "Sesungguhnya berjayalah orang-orang beriman, (iaitu) orang-orang yang khusyu' dalam sembahyang mereka.

Hati dan minda orang sembahyang tidak ke mana-mana, melainkan hanya kepada Allah semata-mata, menjadikan hati dan minda orang sembahyang itu pasti bersih, tenang dan sihat.

Dengan mendalami hikmah setiap pergerakan dan bacaan dalam sembahyang, minda akan menjadi terlatih untuk menghindari gangguan, apa jua jenis gangguan, yang boleh menjerumuskan kita kepada pelbagai kerosakan.

Demikian, hanya minda yang sihat dan cerdas sahaja, akan mampu untuk membuat pertimbangan, mana perkara baik dan mana pula perkara buruk, atau mana perkara lurus dan mana pula perkara salah.

Maka dalam hubungan ini, kepentingan minda yang sihat adalah segala-galanya. Oleh itu, Beta ingin mengingatkan supaya kesihatan mental terus dijaga, bukan setakat merawatnya dengan rawatan biasa yang sedia ada, tetapi Beta juga mahu, supaya rawatan bersepadu, iaitu rawatan cara Islam turut juga sama-sama diperkenalkan.

TITAH

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA

**PADUKA SERI BAGINDA SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH MU'IZZADDIN WADDAULAH
IBNI AL-MARHUM SULTAN HAJI OMAR 'ALI SAIFUDDIEN SA'ADUL KHAIRI WADDIEN,
SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

SEMPENA SAMBUTAN ISRA' DAN MI'RAJ PERINGKAT NEGARA



SIDANG EDITORIAL CANANG

Penasihat:

Yang Mulia Pengiran Haji Mohd Hasnan bin Pengiran Haji Ali Hassan
Setiausaha Tetap (Kebudayaan)

Pengerusi:

Yang Mulia Awang Haji Abu Asiruddin bin Haji Zaini
Pemangku Pengarah Pentadbiran dan Kewangan

Pengarang/Sumber Berita:

Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan
Dewan Bahasa dan Pustaka
Jabatan Muzium-Muzium
Pusat Sejarah Brunei
Jabatan Belia dan Sukan
Jabatan Pembangunan Masyarakat
Jabatan Penerangan

Susun Atur dan Penyelaras

Unit Perhubungan Awam
Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

Penyunting

Yang Mulia Dayang Dr. Hurul'Ain Nukhbah binti Rabaha
Pegawai Bahasa, Dewan Bahasa dan Pustaka

Pruf dan Penyemakan:

Yang Mulia Dayang Hajah Haireni binti Haji Awang Damit
Pemangku Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka

Fotografi:

Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan
Dewan Bahasa dan Pustaka
Jabatan Muzium-Muzium
Pusat Sejarah Brunei
Jabatan Belia dan Sukan
Jabatan Pembangunan Masyarakat

Terima Kasih atas Ihsan foto kepada:

Jabatan Penerangan

KUNJUNGAN HORMAT



BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 8 Rejab 1446 / 8 Januari 2025 - Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, telah menerima kunjungan daripada Tuan Yang Terutama Xiao Jianguo, Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Rakyat China ke Negara Brunei Darussalam (NBD).

Majlis ini berlangsung di Bangunan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, turut dihadiri oleh Yang Mulia Dayang Hajah Nor Ashikin binti Haji Johari, Setiausaha Tetap (Kemasyarakatan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Yang Mulia Dayang Hajah Fauziah binti Haji Abd Hamid, Pengarah Penyelidikan, Perkembangan dan Hal Ehwal Antarabangsa, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.



KUNJUNGAN HORMAT



BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 9 Rejab 1446 / 9 Januari 2025 - Yang Mulia Dr. Siti Norkhalbi binti Haji Wahsalfelah, Timbalan Setiausaha Tetap (Kebudayaan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) menerima kunjungan hormat dari Puan Yang Terutama Ambra Dickie, Pesuruhjaya Tinggi Kanada ke Negara Brunei Darussalam



Majlis ini berlangsung di Bangunan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, turut dihadiri oleh Yang Mulia Haji Awang Mohd Abdoh bin Haji Awang Damit, Pengarah Kebudayaan dan Kesenian Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Kedua-dua belah pihak membincangkan persediaan projek seni budaya dalam bidang seni ukiran kayu (woodcarving).



MAJLIS PENYAMPAIAN BANTUAN PERSEKOLAHAN DARIPADA KUMPULAN ISTERI-ISTERI MENTERI-MENTERI KABINET, TIMBALAN-TIMBALAN MENTERI, SETIAUSAHA-SETIAUSAHA TETAP, TIMBALAN-TIMBALAN SETIAUSAHA TETAP DAN AHLI BERSEKUTU BAGI TAHUN 2025



JERUDONG, Khamis, 9 Rejab 1446 / 9 Januari 2025 - Seramai 115 pelajar telah menerima bantuan persekolahan daripada Kumpulan Isteri Menteri-Menteri Kabinet, Timbalan-Timbalan Menteri, Setiausaha-Setiausaha Tetap, Timbalan-Timbalan Setiausaha Tetap dan Ahli Bersekutu. Majlis Penyampaian Bantuan Persekolahan ini telah berlangsung di Dewan Kompleks Sukan Jerudong.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan penyampaian derma bantuan persekolahan ialah Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi Bin Haji Awang Mohamad, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Turut hadir ke majlis tersebut ialah Yang Mulia Dayang Hajah Nor Ashikin Binti Haji Johari, Setiausaha Tetap (Kemasyarakatan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, dan juga pegawai-pegawai kanan kerajaan.




KEJOHANAN BOLA JARING ANTARA KEMENTERIAN-KEMENTERIAN SEMPENA HARI PERKHIDMATAN AWAM KALI KE-31, TAHUN 2025



BERAKAS, Jumaat, 10 Rejab 1446 / 10 Januari 2025 - Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan melalui Jabatan Belia dan Sukan dengan kerjasama Persatuan Bola Jaring Kebangsaan Negara Brunei Darussalam menganjurkan Kejohanan Bola Jaring Antara Kementerian-Kementerian Sempena Hari Perkhidmatan Awam Kali Ke-31, Tahun 2025 pada 10, 17, dan 24 Januari 2025 bertempat di Dewan Serbaguna, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah.

Kejohanan tersebut disertai oleh sepuluh kementerian terdiri daripada Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Kementerian Pertahanan, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Kementerian Pendidikan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Kementerian Pembangunan, Kementerian Kesihatan, Kementerian Hal Ehwal Ugama dan Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi.

Dua kategori dipertandingkan dalam kejohanan tersebut iaitu Kategori Terbuka dan Kategori Veteran.



MESYUARAT KEDUA JAWATANKUASA TERTINGGI SAMBUTAN ULANG TAHUN HARI KEBANGSAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM KE-41, TAHUN 2025



BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 14 Rejab 1446 / 14 Januari 2025 - Mesyuarat Kedua Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-41, Tahun 2025 telah diadakan di Dewan Digadong, Bangunan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Mesyuarat dipengerusikan bersama oleh Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan; Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid, Menteri Pembangunan dan Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Dayang Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh, Menteri Pendidikan.





KUNJUNGAN HORMAT



BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 16 Rejab 1446 / 16 Januari 2025 - Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, telah menerima kunjungan hormat daripada Puan Yang Terutama Alexandra Mckenzie, Duta Besar Istimewa dan Mutlak British ke Negara Brunei Darussalam (NBD).

Majlis ini berlangsung di Bangunan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, turut dihadiri oleh Yang Mulia Dayang Hajah Nor Ashikin binti Haji Johari, Setiausaha Tetap (Kemasyarakatan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Yang Mulia Pengiran Haji Mohd Azlan bin Pengiran Haji Tengah Omar, Pemangku Pengarah Penyelidikan,Perkembangan dan Hal Ehwal Antarabangsa, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.



PERBINCANGAN MEJA BULAT SENI UKIRAN KAYU DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM DAN KANADA



BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 22 Rejab 1446 / 22 Januari 2025 - Sesi perbincangan meja bulat mengenai jenis-jenis kayu, sejarah, dan tradisi seni ukiran kayu di Negara Brunei Darussalam dan Kanada telah diadakan pada 22 Januari 2025, bertempat di Dewan Digadong, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.



Hadir semasa sesi tersebut ialah Puan Yang Terutama Ambra Dickie, Pesuruhjaya Tinggi Kanada ke Negara Brunei Darussalam, pegawai-pegawai daripada Suruhanjaya Tinggi Kanada ke Negara Brunei Darussalam, pegawai-pegawai kanan daripada Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Jabatan Perhutanan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, wakil-wakil tujuh puak etnik Melayu, pengukir-pengukir kayu daripada Negara Brunei Darussalam dan Kanada, serta syarikat-syarikat dan pengusaha-pengusaha tempatan. Pemudah cara bagi sesi tersebut ialah Yang Mulia Haji Awang Mohd Abdoh bin Haji Awang Damit, Pengarah Kebudayaan dan

Sambungan Muka Surat 11



KEJOHANAN BOLA JARING ANTARA KEMENTERIAN-KEMENTERIAN SEMPENA HARI PERKHIDMATAN AWAM KALI KE-31, TAHUN 2024 PERINGKAT AKHIR



BERAKAS, Jumaat, 24 Rejab 1446 / 24 Januari 2025 - Kejohanan Bola Jaring Antara Kementerian-Kementerian Sempena Hari Perkhidmatan Awam Kali Ke-31, Tahun 2024 dikendalikan oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan melalui Jabatan Belia dan Sukan dengan kerjasama Persatuan Bola Jaring Kebangsaan Negara Brunei Darussalam.

Kejohanan telah diadakan selama tiga hari iaitu pada 10, 17, dan 24 Januari 2025 bertempat di Dewan Serbaguna, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah. Dua kategori telah dipertandingkan dalam kejohanan tersebut iaitu Kategori Terbuka dan Kategori Veteran. Manakala sistem perlawanan bola jaring adalah secara round robin.

Hadir menyaksikan perlawanan tersebut ialah Yang Mulia Dr. Shamsiah Zuraini Kanchanawati binti Haji Tajuddin, Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras), Kementerian Pendidikan selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan penyampaian hadiah-hadiah kemenangan.



MAJLIS SAMBUTAN ISRAK DAN MIKRAJ KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN BAGI TAHUN 1446/2025



BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 30 Rejab 1446 / 30 Januari 2025 - Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan melalui Jabatan Muzium-Muzium menganjurkan Sambutan Israk dan Mikraj Tahun 1446 Hijrah/2025 Masihi bagi Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Jabatan-Jabatan di bawahnya di Dewan Digadong, Bangunan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.



Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.



Majlis turut diserikan dengan Ceramah Khas bertajuk Sambutan Israk dan Mikraj yang disampaikan oleh Yang Mulia Ustaz Haji Sammali bin Haji Adam, Pegawai Pelajaran, Bahagian Kaunseling, Kementerian Pendidikan.

INAUGURAL SESSION OF THE COMMONWEALTH ASIA YOUTH ALLIANCE AND COMMONWEALTH ASIA REGIONAL YOUTH MINISTERS MEETING 2025



ISLAMABAD, PAKISTAN, Selasa-Khamis, 28-30 Rejab 1446 / 28-30 Januari 2025 - The Commonwealth Asia Regional Youth Ministers Meeting 2025, telah diadakan dari 28 hingga 30 Januari 2025 di Islamabad, Pakistan. Mesyuarat tersebut diadakan serentak dengan Sesi Perasmian Perikatan Belia Asia Komanwel (CAYA) di bawah tema "Menyampaikan Masa Depan Bersama: Menghubungkan, Mencipta, Mengubah".

Mewakili pihak Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam ialah Tuan Yang Terutama Kolonel (Bersara) Pengiran Haji Kamal Bashah bin Pengiran Haji Ahmad, Pesuruhjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam ke Republik Islam Pakistan turut disertai oleh Yang Mulia Zainab binti Haji Morshidi, Pengarah Pembangunan Belia dan Sukan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, pegawai kanan dan dua wakil belia dalam kapasiti mereka sebagai Wakil Negara dalam Majlis Belia Komanwel untuk Brunei Darussalam.





**E-Poster sempena Memperingati Peristiwa Israk dan Mikraj
1446/2025**



کمنتريڻ کبوداڀاءن، بليادان سوکن
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Dikeluarkan oleh:

**Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan
Negara Brunei Darussalam**

E-mel: Info@kkbs.gov.bn

Laman Sesawang: www.kkbs.gov.bn

Instagram: @kkbs_brunei

Facebook: Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan